

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN DAN OPERASI)**

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **SOKONGAN**
KOD JAWATAN : **3200**

JADUAL GAJI

GREED N17	P1T1	RM 820.38	-	P1T24	RM2151.35
	P2T1	RM 871.81	-	P2T24	RM2272.50
	P3T1	RM 924.78	-	P3T24	RM2397.95
GREED N22	P1T1	RM1915.43	-	P1T12	RM2838.04
	P2T1	RM2057.61	-	P2T12	RM3134.53
GREED N26	P1T1	RM2196.75	-	P1T9	RM2983.23
	P2T1	RM2406.99	-	P2T9	RM3266.11

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c.
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UiTM yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T6); atau

- (iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T8); atau

- (iv) Sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

Dan Keupujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas)

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah, Operator Wayarles dan Pengawet adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- i. mempunyai kelayakan di perenggan c di atas; atau
- ii. lulus peperiksaan khas; dan
- iii. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

:

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

- i. memenuhi tempoh percubaan;
- ii. hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- iii. diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

:

Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N22**

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah :-

- i. disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- iii. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan ; dan
- iv. diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N26**

:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah :-

- i. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- ii. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan ; dan
- iii. diperaku oleh ketua perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT :
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.